

Bidang tugas doktor makin mencabar

INDIVIDU yang bergelar doktor veterinar bukan sahaja bertanggungjawab merawat haiwan kesayangan pemilik tetapi turut bertindak sebagai ejen dalam meningkatkan kesedaran masyarakat.

**Timbalan Dekan,
Fakulti Perubatan
Veterinar, Universiti Putra
Malaysia, Prof. Dr. Abd. Wahid
Haron** berkata, bidang tugas doktor veterinar semakin meluas sejajar dengan perkembangan keperluan



ABD. WAHID

masyarakat termasuk kesedaran mengenai penyakit *zoonatik* atau penyakit bawaan haiwan.

“Doktor veterinar kini berdepan dengan cabaran dalam meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai penyakit bawaan haiwan supaya tidak menular, sekali gus mengundang mudarat.

“Ramai yang tidak peka bahawa haiwan kesayangan mereka berisiko membawa penyakit berkenaan dan doktor veterinar berperanan

memberi maklumat, khidmat nasihat serta langkah keselamatan yang perlu diambil sekiranya berlaku penularan wabak,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Abd. Wahid berkata, doktor veterinar juga perlu menggunakan pendekatan yang berbeza untuk memahami penyakit yang dihadapi haiwan kerana bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang diberikan pemilik.

“Haiwan tidak mampu berkata-kata dan semua maklumat

diperoleh daripada penjaga mereka. Daripada maklumat itu, doktor mencari punca penyakit untuk diberikan rawatan.

“Dalam hal ini, sekiranya maklumat yang diberikan tidak ditafsirkan dengan tepat, doktor veterinar tidak mampu merawat haiwan tersebut dengan sebaik mungkin,” katanya lagi.

Abd. Wahid melihat perkembangan bidang veterinar di negara ini semakin menggalakkan dengan kewujudan lambakan klinik haiwan.